

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 20 MEI 2015
SOALAN :

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan ADAKAH Malaysia mempunyai kelengkapan, kemudahan dan pakar perubatan yang mencukupi di hospital awam seluruh negara untuk menghadapi kebanjiran bilangan pesakit yang semakin ramai.

Tuan yang dipertua,

Malaysia merupakan antara negara yang menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik di dunia. Pada masa kini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan sebanyak 143 buah hospital di seluruh negara untuk menampung keperluan kesihatan rakyat. Perkhidmatan perubatan yang disediakan adalah meliputi kemudahan kepakaran, subkepakaran serta prasarana dan peralatan perubatan berteknologi semasa. Secara keseluruhannya perkhidmatan perubatan yang disediakan masih belum mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. Sasaran

KKM adalah untuk mencapai nisbah 2.5 katil bagi 1000 penduduk. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, nisbah katil adalah sebanyak 1.93 per 1000 penduduk. Bilangan keseluruhan katil hospital di negara ini pada tahun 2013 adalah sebanyak 57,470 buah berbanding 74,287 buah katil yang diperlukan. Negara masih memerlukan tambahan sebanyak 16,817 buah katil untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

KKM menyedari bahawa bilangan pesakit akan bertambah berikutan pertambahan bilangan penduduk tempatan dan warganegara asing, pertambahan *Health Tourist* , peningkatan bilangan pesakit kronik dan pertambahan populasi warga emas. Oleh itu KKM sedang merancang dan menyediakan pelan transformasi kesihatan bagi mengatasi masalah tersebut secara menyeluruh pada masa hadapan. Antara langkah-langkah jangka pendek yang telah dan sedang diambil adalah seperti membina hospital baru, menambah peralatan perubatan secara berfasa, menaiktaraf hospital sedia ada untuk meningkatkan kapasiti hospital dan juga menambahkan bilangan dan meningkatkan kompetensi tenaga kerja.